

Penjelasan bukti PM utama negara, rakyat

Keikhlasan Abdullah terserlah dengan menepis semua tohmahan

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar,
Shamsul Kamal Amarudin, Wan
Faizal Ismayatim dan Syed Ismail
Syed Abu Bakar

KUALA LUMPUR: Penjelasan yang dibuat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung tohmahan yang dilemparkan kepadanya dan pentadbirannya membuktikan kredibiliti beliau sebagai pemimpin berwibawa yang mementingkan negara serta rakyat.

Sehubungan itu, semua pihak harus berpuas hati dan faham mengenai perkara berkenaan serta berhenti daripada melemparkan sebarang bentuk tohmahan baru atau prasangka terhadap Perdana Menteri.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata orang ramai harus memahami dan menghargai penjelasan yang dibuat Perdana Menteri mengenai "pelbagai isu yang dibangkitkan berkaitan negara dan pentadbiran beliau.

"Kita berpuas hati dengan penjelasan Perdana Menteri," katanya

yang juga Menteri Kerjaraya ketika, diminta mengulas mengenai penjelasan Abdullah dalam temu ramah khas selama 40 minit yang disiarkan menerusi TV3 malam tadi.

Samy Vellu berkata, orang ramai memahami sepenuhnya pendirian Perdana Menteri dan hasrat beliau untuk menyediakan pembangunan untuk rakyat negara ini bagi membawa lebih banyak pelaburan.

"Rakyat terus memberikan sokongan penuh kepadanya bagi memastikan kejayaan merealisasikan pembangunan negara," katanya.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, berkata beliau sedih dengan tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad mengkritik kepemimpinan Perdana Menteri kerana ia menyerahkan orang ramai keliru.

Beliau yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkata, Dr Mahathir mungkin rasa terpinggir, sunyi dan rusing hingga mendorongnya terus-menerus mengkritik pentadbiran kerajaan dalam banyak isu.

Radzi berkata, pentadbiran seka-

rang mempunyai banyak program untuk dilaksanakan selepas penguaman projek pembangunan menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi sekarang kita perlu menjawab tuduhan Dr Mahathir.

Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah, berkata penjelasan Perdana Menteri terhadap segala tuduhan yang dilemparkan kepadanya membuktikan pemimpin itu ikhlas dan adil dalam mentadbir negara.

"Walaupun Abdullah bukan pilihan utama tetapi sekarang Dr Mahathir membuat kritikan keras terhadap Abdullah dan Kabinetnya"

Radzi Sheikh Ahmad
Setiausaha Agung Umno

Katanya, keikhlasan dan keadilan Perdana Menteri terserlah apabila beliau menepis segala tohmahan terhadapnya dan jawapan yang diberikan Abdullah jelas memperlihatkan keikhlasannya.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa, berkata tindakan Perdana Menteri menjawab secara terbuka pelbagai tuduhan terhadap pentadbirannya itu menyelesaikan banyak persoalan yang timbul.

Katanya, ia juga adalah reaksi dan luahan hati Perdana Menteri selepas sekian lama mendiamkan diri dan langkah itu menangkis segala tuduhan dan fitnah pihak tertentu terhadapnya selama hampir tiga tahun mentadbir kerajaan.

Ketua Penerangan Kelab Veteran Umno, Datuk Zai Siraj, berkata bukannya mengkritik dari luar parti wajar dihapuskan kerana Umno bersikap terbuka dan mempunyai pentas melakukan teguran iaitu ketika mesyuarat peringkat cawangan, bahagian serta perhimpunan agung Umno.